

3.0 Peraturan / Undang-undang Perkahwinan

Kaum cina tidak perlu melalui apa-apa kursus yang berkait tentang hal ehwal alam perkahwinan seperti mana kaum Melayu. Mereka boleh terus ke pejabat pendaftaran untuk mendartarkan perkahwinan mereka. Bakal pengantin akan menandatangani dua pucuk surat perkahwinan iaitu Keat Foon dan Ching Su di hadapan beberapa orang saksi sebagai bukti perkahwinan. Saksi-saksi adalah dikalangan kaum keluarga terdekat.

Kemudian dari situlah kedua-dua buah keluarga akan membincangkan tarikh yang sesuai bagi melangsungkan perkahwinan mereka yang berpandukan kalendar cina dan seperti yang telah dipersetujui oleh sami. Namun, ada juga pantang larang yang perlu dipatuhi sebagai contoh, perkahwinan tidak boleh dilangsungkan semasa tarikh tertentu kerana dipercayai akan mengundang malapetaka tidak kira semasa majlis mahupun terhadap pengantin itu.

Namun, pada hari ini masyarakat Cina kurang mengamalkan adat perkahwinan secara tradisi sebaliknya menjalankan perkahwinan secara sivil iaitu dengan mendaftarkan perkahwinan di gereja, terutamanya di kalangan mereka yang beragama Kristian.



Perkahwinan masyarakat cina